

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Selasa, 12 Ogos 2025**

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN

JULAI 2025

Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 3.5 peratus pada Julai 2025

PUTRAJAYA, 12 Ogos 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JULAI 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa indeks harga besi menunjukkan sedikit penurunan pada Julai 2025, iaitu antara negatif 0.2 peratus sehingga negatif 3.5 peratus berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi indeks harga bahan ini dicatatkan di Kuching (-3.5%), diikuti dengan Sibu (-1.5%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (-0.8%). Walau bagaimanapun, peningkatan kecil direkodkan di beberapa kawasan seperti Perak (1.2%), diikuti dengan Terengganu & Kelantan (0.3%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa indeks harga seunit keratan keluli dan logam menunjukkan peningkatan kecil pada Julai 2025, dengan kadar perubahan bulan ke bulan dicatatkan antara 0.2 peratus hingga

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 12 Ogos 2025

0.5 peratus. Manakala, indeks harga seunit simen kekal tidak berubah berbanding bulan sebelumnya.

Selain daripada itu, indeks harga pasir turut kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia kecuali peningkatan kecil (0.1%) di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan. Manakala indeks harga seunit bahan ini merekodkan peningkatan di Sabah dan Sarawak antara 0.1 peratus hingga 0.5 peratus, dengan peningkatan tertinggi di Kota Kinabalu (0.5%), diikuti dengan Tawau dan Kuching (masing-masing 0.2%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Julai 2024 dan Julai 2025 menunjukkan indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 4.9 peratus hingga 12.9 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 3.7 peratus pada Julai 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu, melibatkan kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi direkodkan di Johor (3.7%), diikuti dengan Tawau (3.6%) dan Sibu (2.3%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga telah menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil (0.2%) dengan purata harga RM3,488.65 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Jun 2025: RM3,480.10 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* pula kekal tidak berubah dengan purata harga RM23.80 per 50 kg sekarung.

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 3.5 peratus pada bulan Julai 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan kecuali di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Selasa, 12 Ogos 2025**

IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus dan negatif 0.2 peratus bagi beberapa kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Sandakan pada Julai 2025 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, IKB di Tawau pula telah mencatatkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus hingga 0.3 peratus untuk semua kategori bangunan.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak juga merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 1.5 peratus bagi setiap kategori bangunan di Kuching dan Sibu. Manakala IKB di Miri pula telah mencatatkan peningkatan kecil iaitu antara 0.2 peratus dan 0.5 peratus bagi semua kategori bangunan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 12 Ogos 2025

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Julai 2023 – Julai 2025



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Julai 2023 – Julai 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 OGOS 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 12, 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

JULY 2025

The unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.2 per cent to negative 3.5 per cent in July 2025

PUTRAJAYA, August 12, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JULY 2025. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of steel recorded a slight decrease in July 2025, ranging from negative 0.2 per cent to negative 3.5 per cent as compared to the previous month. The highest decrease was observed in Kuching (-3.5%), followed by Sibu (-1.5%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.8%). However, a slight increase was recorded in several areas, including Perak (1.2%), followed by Terengganu & Kelantan (0.3%).

The Chief Statistician Malaysia informed that the unit price index of steel and metal sections showed a slight increase in July 2025, with month-on-month change ranging from 0.2 per cent to 0.5 per cent. In contrast, the unit price index of cement remained unchanged as compared to the previous month.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 12, 2025

In addition, the unit price index for sand also remained unchanged in most areas of Peninsular Malaysia, except for a slight increase (0.1%) in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka, and Negeri Sembilan. Meanwhile, the unit price index for this material recorded an increase in Sabah and Sarawak ranging from 0.1 per cent to 0.5 per cent, with the highest increase observed in Kota Kinabalu (0.5%), followed by Tawau and Kuching (0.2%), respectively.

An annual comparison for the period of July 2024 and July 2025 indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 4.9 per cent to negative 12.9 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 0.1 per cent to 3.7 per cent in July 2025 as compared to the same month last year for across most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Johor (3.7%), followed by Tawau (3.6%) and Sibu (2.3%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a slight increase (0.2%) with an average price of RM3,488.65 per metric tonne as compared to the previous month (June 2025: RM3,480.10 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement remained unchanged, with an average price of RM23.80 per 50 kg bag.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 12, 2025

BCI with steel bars by building categories and area in Peninsular Malaysia recorded an increase between 0.1 per cent to 3.5 per cent in July 2025 as compared to the previous month. The increase for BCI with steel was recorded for all building categories except in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka and Negeri Sembilan.

BCI with steel bars in Sabah registered a slight decrease between negative 0.1 per cent and negative 0.2 per cent for several building categories in Kota Kinabalu and Sandakan in July 2025 as compared to the previous month. Meanwhile, BCI in Tawau recorded a slight increase between 0.1 per cent to 0.3 per cent for almost all categories of building.

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak also recorded a slight decrease between negative 0.2 per cent to negative 1.5 per cent for each categories of buildings in Kuching and Sibu. Meanwhile, BCI in Miri recorded an increase between 0.2 per cent to 0.5 per cent for all categories of building.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 12, 2025

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, July 2023 – July 2025





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, July 2023 – July 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 AUGUST 2025**